

Wanita, bayi berusia 44 hari ditemui mati dengan kesan kelar di leher

# 'Mereka cadang buat majlis akikah'

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING dan KHAIRUL MOHD. ALI

**JOHOR BAHRU** – Seorang wanita dan bayinya yang berusia 44 hari dibunuh secara kejam dalam kejadian di sebuah rumah di Jalan Dewasa, Bakar Batu, di sini, tengah hari semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 12 tengah hari itu, mangsa, Hajar Nursyahirin Rosman, 26, dan bayi lelakinya, Hans Mohd. Thakif ditemui dalam keadaan berlumuran darah di luar rumah teres mereka.

Menurut bapa mangsa, Rosman Ahmad, 58, dia hanya menyedari mengenai kejadian yang menimpa anak ketiga dari enam beradik itu selepas dimaklumkan oleh anak sulungnya.

"Anak sulung saya telefon beritahu ada masalah dekat rumah, saya terus bergegas ke rumah anak saya (Hajar Nursyahirin) dan terkejut melihat dia dan cucu saya terbaring berlumuran darah di halaman rumah.

"Kami terus periksa dan nampak ada kesan tikaman pada leher kedua-dua mangsa," katanya ketika ditemui Kosmo! semalam.

Menurut Rosman, Hans Mohd. Thakif merupakan cucu keempat dan anak sulung kepada pasangan yang melangsungkan perkahwinan pada Ogos tahun lalu.

Jelasnya, Hajar Nursyahirin dan keluarga merancang untuk mengadakan majlis akikah sempena menyambut kelahiran bayi sulung mereka, selain men-



**Di rumah inilah seorang wanita bersama bayinya dikelar oleh suami sendiri di Jalan Dewasa, Bakar Batu, Johor Bahru semalam.**

**KANAN: Seorang anggota polis melihat kesan darah di hadapan rumah mangsa di Jalan Dewasa, Bakar Batu, Johor Bahru semalam.**

— RAJA JAAFAR ALI

gadakan majlis resepsi perkahwinan.

"Mereka akad nikah pada 21 Ogos 2021, masa itu tak buat majlis sebab PKP (Perintah Kawalan



Suspek yang berusia 24 tahun itu ditangkap kira-kira sejam selepas kejadian itu.

## KAMARUL ZAMAN

Pergerakan), jadi kami rancang nak buat majlis akikah sekali.

"Semua sudah siap tunggu harinya sahaja, tarikh majlisnya pada 24 Julai ini," katanya.

Polis menahan seorang lelaki yang mempunyai pertalian keluarga dengan kedua-dua mangsa bagi membantu siasatan. Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat mengesahkan kejadian itu.

Ujarnya, suspek yang berusia 24 tahun itu ditangkap kira-kira sejam selepas kejadian itu.

Sementara itu, ibu mangsa, Norazlina Hamdan, 50, berkata, dia hampir rebah selepas melihat cucu dan anaknya terbaring dan sudah tidak bernyawa.

"Dalam kepala tak tau nak fikir apa, saya tanya apa berlaku siapa buat, bila dapat cerita macam tu kita reda.

"Saya sebagai ibu pun tidak menyangka kejadian seperti ini boleh berlaku, sebab menantu pun baik-baik," katanya.

Difahamkan, suspek yang berusia 24 tahun melarikan diri dengan menaiki sebuah motosikal dalam keadaan berfogel.

Polis masih menyiasat punca pembunuhan itu termasuk pembabitkan suspek berusia 24 tahun itu.